

## YANG MENARIK:

- PHT TRAVEL
- CSR PERINGKAT ANTARABANGSA
- POLYTECHNIC ENTREPRENEURSHIP AWARDS
- PHT RAIH ANUGERAH INOVASI

## ISI KANDUNGAN

ALUAN PENGARAH 2

MISI, VISI 2

PENCAPAIAN PHT 4

UNIT AKADEMIK 14

UNIT SUKAN 20

UNIT PENYELIDIKAN 22

## Ekklusif Edisi 1

## PHT TRAVEL NADI PHT

PHT TRAVEL merupakan anak syarikat Koperasi Politeknik Hulu Terengganu Berhad. PHT TRAVEL diwujudkan sebagai klinik atau bengkel latihan secara praktikal kepada teori-teori yang dipelajari di dalam kelas bagi pelajar-pelajar jurusan pengurusan pelancongan dan keusahawanan. (Lanjut di halaman 14 dan 15)



## DARI MEJA EDITOR

Assalamualaikum dan Salam  
Negeraku Sehati Sejiwa

PHT Hebat merupakan buletin PHT yang memuatkan kisah kecemerlangan warga kerja PHT. Warga kerja PHT sentiasa melakukan yang terbaik untuk tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan. Warga kerja PHT sentiasa cekal dan berusaha mencipta nama dalam bidang masing-masing.

Syukur Alhamdulillah PHT HEBAT Bil 1/2018 Edisi JANUARI-JUN 2018 telah dapat diterbitkan dengan jayanya hasil kerjasama sidang redaksi dan Warga kerja PHT yang turut sama berkongsi idea serta memberi inspirasi dan manfaat kepada semua yang membaca PHT Hebat edisi yang pertama ini. Selamat Membaca.

*Nurul Ilyani Abdullah*



## JAWATANKUASA

## PENERBITAN

### PENASIHAT

Tn Haji Wan Hujjatullah bin  
Wan Ghazali, A.N.S

### KETUA EDITOR

Nurul Ilyani Abdullah

### EDITOR

Che Ku Norzuraida Binti Che Ku  
Long

Dameliza Binti Damain

Zaidah Binti Mamat

Afifatun Nadhirah Bt Awang

Mohd Hishamudin Bin Mat



OLEH:  
Che Ku Norzuraida  
Binti Che Ku Long  
Unit Komunikasi Korporat PHT

#politeknikhuluterengganu  
#politeknikhebattersohor  
#politeknikmalaysia  
#phtleadsyourfuture



Politeknik  
Hulu  
Terengganu

## ALUAN PENGARAH

Assalamualaikum WBT Alhamdulillah syukur ke hadrat Illahi dengan izinnya Buletin PHT Hebat telah berjaya diterbitkan. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada jawatankuasa penerbitan atas penghasilan buletin ini,

Tahun 2018 kita sebagai warga PHT akan berhadapan dengan lebih banyak cabaran dan rintangan dalam melonjakkan PHT pada tahap hebat dan tersohor terutama dalam era industri 4.0, gig ekonomi dan kecerdikan buatan (Arti-

ficial Intelligence). Era ini memerlukan kita bekerja lebih hebat utk menyaingi cabaran-cabaran yang mendatang dalam menghasilkan graduan yang memiliki skill dan kemahiran yang tinggi. Kerja-kerja yang dulunya dilakukan oleh manusia kini diambil alih oleh mesin secara digital. Melakukan pelbagai kerja dalam satu masa menjadi budaya dan robot-robot ciptaan menggantikan peranan manusia. Graduan atau pekerja yang diperlukan pada masa ini adalah pekerja yg mampu menguasai skill kemahiran yg ting-

gi, mencipta sistem dan program utk menyusun jadual, menggerakkan mesin dan robot dan lain-lain. Semoga warga PHT mampu dan bersedia menghadapi cabaran-cabaran ini. Warga kerja PHT hebat melahirkan Graduan cemerlang. Terima kasih dan setinggi penghargaan di atas komitmen dan pencapaian tahun 2017. Agenda kecemerlangan 2018 diteruskan. Semoga semua urusan dan tugas kita dipermudahkan. Selamat Membaca

**PHT Leads Your Future.**

*Wan Huzjatullah bin Wan Ghazali*  
Pengaroh  
Politeknik Hulu Terengganu

## VISI

Menjadi institusi TVET Premier yang diterajui industri



## MISI

- Menyediakan akses kepada program TVET yang berkualiti dan diiktiraf
- Membangunkan kurikulum yang dipimpin industri dan meningkatkan kesediaan graduan melalui penglibatan industri yang diselenggarakan
- Menghasilkan graduan yang seimbang dan berdaya keusahawanan melalui program pengajian yang dinamik dan mampan
- Mendapat pengiktirafan antarabangsa melalui kerjasama dan penyertaan aktif dalam komuniti TVET



**PHT LEADS YOUR FUTURE**

# KAMPUS BAHARU



Lakaran Kampus  
baharu PHT



Politeknik Hulu Terengganu



polihuluterengganu\_official




polihulutrg

## POLITEKNIK HULU TERENGGANU

Politeknik Hulu Terengganu atau dengan singkatannya PHT merupakan salah sebuah politeknik di bawah kelolaan Kementerian Pendidikan Tinggi memulakan operasi pada 2 Mei 2008 di Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin, Dungun dengan menawarkan 2 program utama iaitu Diploma Perakaunan dan Diploma Pengurusan Pelancongan dan Hospitaliti. Pada Jun 2010, PHT telah memindahkan operasi ke Daerah Hulu Terengganu dengan menyewa salah

sebuah bangunan yang dimiliki oleh Majlis Daerah Hulu Terengganu di Bandar Kuala Berang. Hingga kini, PHT mempunyai hampir 400 orang pelajar dengan kekuatan kakitangan seramai 72 orang yang terdiri da-

ripada pelbagai kelasan diketuai oleh pengarah PHT Hj. Wan Mohd Hujjatullah Bin Wan Ghazali A.N.S . Antara jabatan utama yang terdapat di PHT ialah Jabatan Perdagangan, Jabatan Pelancongan & Hospitaliti, dan Jabatan Pengajian Am.







# POLI PRIHATIN ANJURKAN KEMPEN DERMA DARAH



**POLITEKNIK HULU TERENGGANU( 16 JANUARI 2018, SELASA)**-Kempen Derma Darah telah dianjurkan oleh Unit Hal Ehwal Pelajar PHT dengan kerjasama Unit Tabung Darah, Hospital Sultanah Nur Zahirah.

**Antara Pelajar yang menderma darah**

Program ini diadakan di Bilik Seminar Politeknik Hulu Terengganu pada 15 Januari 2018. Kempen ini mendapat sambutan yang menggalakkan daripada warga PHT yang terdiri daripada pelajar dan kakitangan PHT. Selain itu, terdapat juga orang awam yang menayakan kempen ini. Seramai 57 orang telah menderma darah. Jumlah penderma pada kali ini meningkat dari tahun lepas yang

mana menunjukkan PHT prihatin dengan darah yang didermakan dapat menyelamatkan nyawa.



**En. Abdullah @ Mat Yusof bin Yaacob**

*“memupuk kesedaran dan menggalakkan warga PHT menderma darah selari dengan tanggungjawab sosial kepada masyarakat dan negara”*

## LENSA MEDIA



Berjaya kumpul 57 pain darah  
Sinar Harian | Ruang Kampus | 22.1.18 | Isnin | m/s25





**OLEH:**  
**Afifatun Nadhirah  
 Bt Awang**  
 Unit Komunikasi Korporat PHT

*“amali ini dapat meningkatkan kebolehan dan kemahiran dalam sukan renang dalam kalangan pelajar”*



En. Mohd Azamrul bin Harun

# PELAJAR PHT TINGKATKAN KEMAHIRAN

**POLITEKNIK HULU TERENGGANU (17 Januari 2018, RABU)** Amali Rekreasi Marin (Renang) diadakan selama 3 hari bermula 15 Januari 2018. Program ini diadakan di Green Acres Golf Resort. Antara objektif amali ini adalah untuk memastikan semua pelajar yang mengikuti amali ini berjaya menguasai kesemua kema-

hiran yang dipelajari iaitu penyelamatan di air, renang kuak dada serta gaya bebas. Selain itu, amali ini dapat meningkatkan kebolehan dan kemahiran dalam sukan renang dalam kalangan pelajar. Tenaga pengajar amali ini En. Mohd Azamrul bin Harun berkata dalam kemahiran asas menyelamat yang diajar, pelbagai cara

dan panduan yang boleh dilakukan bertujuan untuk menyelamatkan mangsa daripada menghadapi situasi yang lebih berbahaya seperti situasi yang boleh membawa kepada kematian, kecederaan atau kecacatan berpanjangan.

## LENSA MEDIA



Pelajar didedah teknik renang  
 Sinar Harian | Ruangan Kampus | 22.1.18 | Isnin | m/s25

# ANUGERAH KECEMERLANGAN PELAJAR PHT



**POLITEKNIK HULU TERENGGANU(20 Februari 2018, SELASA)-** Anugerah Kecemerlangan Pelajar PHT Sesi Jun 2017 telah diadakan di Dewan

MDHT pada hari ini.Seramai 23 orang pelajar menerima anugerah Ketua Jabatan Sesi Jun 2017. Seramai 6 orang pelajar menerima Anugerah Ikon Pelajar. Antara Anugerah yang disampaikan ialah Ikon Kepimpinan Pelajar 2017(Muhammad Haziq Irfan Hishamudin), Ikon Keusahawanan Pelajar 2017 (Nur Syakirah Jusof),Ikon

(Muhsammad Hasif Mamat), Ikon Kesukarelawan 2017(Hasmira Andika), Ikon Inovasi Pelajar 2017(Sarah Zahidah Zulkafli), Ikon Akademik Pelajar 2017 (Ainnur Najihah Saidi), dan Ikon PHTHebat 2017 yang merangkumi semua kriteria ialah Muham-

*“wujudnya penganugerahan ini maka akan menjadi satu pemangkin baru kepada pelajar untuk terus berusaha dan memberi sumbangan kepada PHT dalam bidang tujuhan “*

## LENSA MEDIA



Anugerah Kecemerlangan Pelajar Sinar Harian, 26.2.2018, Ruangn Kampus,M/S 33





**OLEH:**  
**Dameliza Binti Damain**

Unit Komunikasi Korporat PHT

*“mengerak dan mengeratkan hubungan silaturrahim antara dua jiran tetangga Malaysia (Terengganu) dan Thailand yang mempunyai banyak persamaan budaya dan geografi”*



En.Firdaus Mohamad Sharif

# EXPLORE THE AMAZING THAILAND

**POLITEKNIK HULU TERENGGANU (16 Mac 2018, JUMAAT)** Program Pengantarabangsaan PHT ke Thailand 2018 telah memberi kesan yang baik terutama dalam bidang pendidikan dan pelancongan kepada pelajar dan pensyarah. Para peserta berpeluang bertukar pandangan dengan masyarakat Thailand yang memiliki kepelbagaian budaya. Selain daripada itu, peserta juga telah melihat salah satu sektor yang sedang berkembang pesat di Thailand iaitu industri pelancongan dan boleh memanfaatkan kejayaan ini sebagai model untuk di praktiskan di Politeknik Hulu Terengganu. Disamping itu juga, para pelajar telah bekerjasama dengan Vittayakarn Islam School, Krabi, Thailand dalam pelaksanaan program CSR yang mana secara tidak langsung dapat meningkatkan kemahiran keusahawanan pelajar di sekolah tersebut. CSR ini melibatkan pelajar dari JPH, PHT dengan kerjasama YES Poli dan Unit Komunikasi Korporat PHT. Para pelajar telah bekerjasama bergotong royong membersihkan kawasan sekolah serta demonstrasi Keusahawanan iaitu membuat popcorn juga telah diberikan

kepada para pelajar di sekolah ini. Pengarah Program ini, Firdaus Mohamad Sharif menjelaskan objektif program pengantarabangsaan ini adalah mengerak dan mengeratkan hubungan silaturrahim antara dua jiran tetangga Malaysia (Terengganu) dan Thailand yang mempunyai banyak persamaan budaya dan geografi serta ia sebagai satu Corporate Social Responsibility (CSR) Politeknik Hulu Terengganu untuk memupuk dan melahirkan norma-norma berpasukan yang baik dalam kalangan peserta



## LENSA KAMERA





# CSR DI RUMAH ANAK YATIM DARUL FALAH

**POLITEKNIK HULU TERENGGANU(10 MAC 2018, SABTU)-** Program CSR bersama Penghuni Rumah Anak Yatim Darul Falah, Bukit Payung telah dijalankan pada hari ini 10 Mac 2018. Program selama sehari melibatkan PRS PHT dan PRS PKT bersama 91 orang anak yatim dan juga fakir miskin.



## BAKUL BARANG DAPUR SINAR RAMADHAN PHT

### LENSA KAMERA



**POLITEKNIK HULU TERENGGANU, TERENGGANU(7 JUN 2018)-** Mengambil berkat Ramadhan dan kedatangan Syawal, Politeknik Hulu Terengganu(PHT) mengambil inisiatif mengadakan program Bakul Barang Dapur Sinar Ramadhan untuk membantu keluarga miskin dan yang kurang bernasib baik. Pengarah program, En.Mohd Noor Fiteri Abdullah menyatakan objektif program ini ialah untuk menyemai sifat prihatin dan kasih sayang antara umat islam tanpa kira latar belakang dan taraf hidup. Sejumlah RM 4000 hasil sumbangan staf PHT telah berjaya disalurkan kepada 30 buah keluarga miskin dan kurang bernasib baik di sekitar daerah Kuala Berang, antaranya Kampung Buloh, Kampung Tajin, Kampung Sungai Ular, Kampung Sekayu, Kampung Kuala Por dan Kampung Dusun. Hasil sumbangan disalurkan terus kepada setiap keluarga yang terpilih dalam bentuk keperluan asas seperti beras, minyak masak, sardin, dan beberapa keperluan utama lain. Pengarah PHT, Hj.Wan Mohd Hujjatullah bin Wan Ghazali turut sama menyampaikan sumbangan kepada penerima pada program Bakul Barang Dapur Sinar Ramadhan pada kali ini.



OLEH:  
Che Ku Norzuraida  
Binti Che Ku Long  
Unit Komunikasi Korporat PHT

“untuk memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada kejayaan pelajar, tenaga akademik dan bukan akademik serta politeknik dalam pengurusan serta pelaksanaan program/projek keusahawanan di politeknik”.



## POLYTECHNIC ENTREPRENEURSHIP AWARDS

**POLITEKNIK HULU TERENGGANU (18 Mac 2018, AHAD)** Anugerah Keusahawanan Politeknik 2017 atau Polytechnic Entrepreneurship Awards (PEA) merupakan satu program yang dianjurkan oleh Unit Keusahawanan, Alumni dan Pengurusan Dasar, Bahagian Pembangunan Pelajar (BPPel), Jabatan Pendidikan Politeknik (JPP) melalui Pusat Keusahawanan Politeknik Malaysia (MPEC). Majlis kali ke-3 ini telah memilih Politeknik Hulu Terengganu, Politeknik Kuala Terengganu dan Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin sebagai tuan rumah. Majlis ini melibatkan penyertaan 35 Politeknik Malaysia yang akan mempertandingkan 6 kategori utama iaitu;

- i) **Kategori A - Best Entrepreneurship Unit**
- ii) **Kategori B - Best Student Enterprise Award**
- iii) **Kategori C – Best Graduate Enterprise Award**
- iv) **Kategori D – Best Entrepreneurship Mentor Award**
- v) **Kategori E – Most Promising Award**
- vi) **Kategori F – Best Student Social Entrepreneurship Award**

Majlis ini juga turut memberi pengiktirafan kepada politeknik yang telah bertungkus lumus menjayakan *Karnival Siswapreneur Megasale* yang telah diadakan pada 10 Oktober 2017 yang lalu. Karnival Siswapreneur Megasale turut mengadakan pertandingan hasil jualan setiap politeknik mengikut kategori masing-masing seperti berikut:

- Kategori A – Pelajar melebihi 4000 orang**
- Kategori B – Pelajar di antara 1000 hingga 3999 orang**
- Kategori C – Pelajar di bawah 1000 orang**

Objektif anugerah ini diadakan adalah untuk memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada kejayaan pelajar, tenaga akademik dan bukan akademik serta politeknik dalam pengurusan serta pelaksanaan program/projek keusahawanan di

politeknik. Anugerah ini juga mengiktiraf peranan pelajar, tenaga akademik dan bukan akademik di politeknik yang berjaya memanfaatkan secara positif ruang dan peluang yang disediakan oleh Jabatan Pendidikan Politeknik (JPP) melalui Pusat Keusahawanan Politeknik Malaysia (MPEC) dalam agenda pembangunan keusahawanan di politeknik.

Antara tetamu kehormat yang telah hadir memeriahkan majlis anugerah ini adalah YBhg. Datuk Nik Ali Bin Mat Yunus, Timbalan Ketua Setiausaha Pembangunan, Kementerian Pendidikan Tinggi dan YBhg. Prof. Dato’ Dr. Mohd Ismail Bin Abd Aziz, Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti.





# LENSA MEDIA

## Sasar lima peratus graduan jadi usahawan

**KUALA TERENGGANU** - Kementerian Pendidikan Tinggi menyasarkan lima peratus graduan negara ini menjadi usahawan sebagai kerjaya.

Pelan Tindakan Keusahawanan Institut Pendidikan Tinggi 2016-2020 itu juga menggariskan, 15 peratus pelajar IPT terlibat dengan aktiviti pemagangan semasa pengajian dan seramai 1,500 tenaga pengajar mempunyai kepakaran keusahawanan untuk dicapai.

Timbalan Ketua Setiausaha Pembangunan, Kementerian Pendidikan Tinggi, Danik Nik Ali Mat Yusoff berkata, bagi mencapai hasrat itu, empat inisiatif digariskan iaitu melaksanakan amalan berimpak tinggi dengan menemai elemen keusahawanan merentasi kurikulum dan bidang pengajian.

Selain itu, melaksanakan rangka kerja dan penyedia pekerjaan, menambak baik ekosistem yang menyokong aktiviti keusahawanan pelajar serta memperkuatkan kompetensi tenaga pengajar dan membimbing keusahawanan.

"Kementerian berhasrat semua graduan yang dihasilkan melalui institut pendidikan negara mempunyai ciri-ciri graduan yang holistik, berciri keusahawanan dan seimbang," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Anugerah Keusahawanan Politeknik Malaysia (PEA) 2017 yang



Nik Ali (dua, kanan) ketika melawat rasmi PHT Travel.

### Kementerian berhasrat semua graduan yang dihasilkan melalui institut pendidikan negara mempunyai ciri graduan yang holistik, keusahawanan dan seimbang."

- Nik Ali

berlangsung di Hotel Primula, semalam. Program itu adalah bagi menandakan kejayaan-kejayaan program keusahawanan yang telah dikecapi Politeknik Malaysia sepanjang tahun 2017.

Nik Ali menambak, pada tahun ini, Kementerian telah menetapkan sasaran 50 peratus pelajar mendapat pendedahan pendidikan keusahawanan, sembilan peratus pengajian dan 3.5 peratus graduan memilih keusahawanan sebagai kerjaya mereka.

KUALA TERENGGANU - Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Nik Ali Mat Yusoff berkata, bagi mencapai hasrat itu, empat inisiatif digariskan iaitu melaksanakan amalan berimpak tinggi dengan menemai elemen keusahawanan merentasi kurikulum dan bidang pengajian.

**PEA iktiraf kejayaan usahawan politeknik**

Diikuti RADHIAN HUSSAIN (PEA 2017) yang berlagu pada 20 Mac 2018.

**■ KUALA TERENGGANU 19 MAC**

ANUGERAH Keusahawanan Politeknik Malaysia (PEA) 2017 yang berlagu pada 20 Mac 2018, telah membezakan lima peratus graduan negara ini yang dipilih sebagai usahawan yang berprestasi.

Majlis berprestasi di Hotel Primula ini merupakan sebuah majlis yang diadakan untuk memperingati kejayaan-kejayaan program keusahawanan yang telah dikecapi Politeknik Malaysia sepanjang tahun 2017.

Timbalan Ketua Setiausaha Pembangunan, Kementerian Pendidikan Tinggi, Datuk Nik Ali Mat Yusoff berkata, bagi mencapai hasrat itu, empat inisiatif digariskan iaitu melaksanakan amalan berimpak tinggi dengan menemai elemen keusahawanan merentasi kurikulum dan bidang pengajian.

Selain itu, melaksanakan rangka kerja dan penyedia pekerjaan, menambak baik ekosistem yang menyokong aktiviti keusahawanan pelajar serta memperkuatkan kompetensi tenaga pengajar dan membimbing keusahawanan.

"Kementerian berhasrat semua graduan yang dihasilkan melalui institut pendidikan negara mempunyai ciri-ciri graduan yang holistik, berciri keusahawanan dan seimbang," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Anugerah Keusahawanan Politeknik Malaysia (PEA) 2017 yang berlangsung di Hotel Primula, semalam.

Program itu adalah bagi menandakan kejayaan-kejayaan program keusahawanan yang telah dikecapi Politeknik Malaysia sepanjang tahun 2017.

Nik Ali menambak, pada tahun ini, Kementerian telah menetapkan sasaran 50 peratus pelajar mendapat pendedahan pendidikan keusahawanan, sembilan peratus pengajian dan 3.5 peratus graduan memilih keusahawanan sebagai kerjaya mereka.

Majlis berprestasi di Hotel Primula ini merupakan sebuah majlis yang diadakan untuk memperingati kejayaan-kejayaan program keusahawanan yang telah dikecapi Politeknik Malaysia sepanjang tahun 2017.

Timbalan Ketua Setiausaha Pembangunan, Kementerian Pendidikan Tinggi, Datuk Nik Ali Mat Yusoff berkata, bagi mencapai hasrat itu, empat inisiatif digariskan iaitu melaksanakan amalan berimpak tinggi dengan menemai elemen keusahawanan merentasi kurikulum dan bidang pengajian.

Selain itu, melaksanakan rangka kerja dan penyedia pekerjaan, menambak baik ekosistem yang menyokong aktiviti keusahawanan pelajar serta memperkuatkan kompetensi tenaga pengajar dan membimbing keusahawanan.

"Kementerian berhasrat semua graduan yang dihasilkan melalui institut pendidikan negara mempunyai ciri-ciri graduan yang holistik, berciri keusahawanan dan seimbang," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Anugerah Keusahawanan Politeknik Malaysia (PEA) 2017 yang berlangsung di Hotel Primula, semalam.

Program itu adalah bagi menandakan kejayaan-kejayaan program keusahawanan yang telah dikecapi Politeknik Malaysia sepanjang tahun 2017.

Nik Ali menambak, pada tahun ini, Kementerian telah menetapkan sasaran 50 peratus pelajar mendapat pendedahan pendidikan keusahawanan, sembilan peratus pengajian dan 3.5 peratus graduan memilih keusahawanan sebagai kerjaya mereka.

Sasar lima peratus jadi usahawan Sinar Harian/20 Mac 2018

PEA iktiraf kejayaan usahawan politeknik Utusan Malaysia/Halaman Timur/20.3.2018/M/s 26

**WARGA POLITEKNIK CEMERLANG DIIKTRAF**

ANUGERAH PEA 2017

Politeknik Malaysia (PEA) 2017 yang berlagu pada 20 Mac 2018, telah membezakan lima peratus graduan negara ini yang dipilih sebagai usahawan yang berprestasi.

Majlis berprestasi di Hotel Primula ini merupakan sebuah majlis yang diadakan untuk memperingati kejayaan-kejayaan program keusahawanan yang telah dikecapi Politeknik Malaysia sepanjang tahun 2017.

Timbalan Ketua Setiausaha Pembangunan, Kementerian Pendidikan Tinggi, Datuk Nik Ali Mat Yusoff berkata, bagi mencapai hasrat itu, empat inisiatif digariskan iaitu melaksanakan amalan berimpak tinggi dengan menemai elemen keusahawanan merentasi kurikulum dan bidang pengajian.

Selain itu, melaksanakan rangka kerja dan penyedia pekerjaan, menambak baik ekosistem yang menyokong aktiviti keusahawanan pelajar serta memperkuatkan kompetensi tenaga pengajar dan membimbing keusahawanan.

"Kementerian berhasrat semua graduan yang dihasilkan melalui institut pendidikan negara mempunyai ciri-ciri graduan yang holistik, berciri keusahawanan dan seimbang," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Anugerah Keusahawanan Politeknik Malaysia (PEA) 2017 yang berlangsung di Hotel Primula, semalam.

Program itu adalah bagi menandakan kejayaan-kejayaan program keusahawanan yang telah dikecapi Politeknik Malaysia sepanjang tahun 2017.

Nik Ali menambak, pada tahun ini, Kementerian telah menetapkan sasaran 50 peratus pelajar mendapat pendedahan pendidikan keusahawanan, sembilan peratus pengajian dan 3.5 peratus graduan memilih keusahawanan sebagai kerjaya mereka.

Warga Politeknik Cemerlang diiktiraf Harian Metro/M/S 71/Ruangann Setempat/20.3.2018

**PEA berlangsung penuh gemilang**

Politeknik Malaysia (PEA) 2017 yang berlagu pada 20 Mac 2018, telah membezakan lima peratus graduan negara ini yang dipilih sebagai usahawan yang berprestasi.

Majlis berprestasi di Hotel Primula ini merupakan sebuah majlis yang diadakan untuk memperingati kejayaan-kejayaan program keusahawanan yang telah dikecapi Politeknik Malaysia sepanjang tahun 2017.

Timbalan Ketua Setiausaha Pembangunan, Kementerian Pendidikan Tinggi, Datuk Nik Ali Mat Yusoff berkata, bagi mencapai hasrat itu, empat inisiatif digariskan iaitu melaksanakan amalan berimpak tinggi dengan menemai elemen keusahawanan merentasi kurikulum dan bidang pengajian.

Selain itu, melaksanakan rangka kerja dan penyedia pekerjaan, menambak baik ekosistem yang menyokong aktiviti keusahawanan pelajar serta memperkuatkan kompetensi tenaga pengajar dan membimbing keusahawanan.

"Kementerian berhasrat semua graduan yang dihasilkan melalui institut pendidikan negara mempunyai ciri-ciri graduan yang holistik, berciri keusahawanan dan seimbang," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Anugerah Keusahawanan Politeknik Malaysia (PEA) 2017 yang berlangsung di Hotel Primula, semalam.

Program itu adalah bagi menandakan kejayaan-kejayaan program keusahawanan yang telah dikecapi Politeknik Malaysia sepanjang tahun 2017.

Nik Ali menambak, pada tahun ini, Kementerian telah menetapkan sasaran 50 peratus pelajar mendapat pendedahan pendidikan keusahawanan, sembilan peratus pengajian dan 3.5 peratus graduan memilih keusahawanan sebagai kerjaya mereka.

PEA berlangsung penuh gemilang Harian Metro/M/s20/Ruangann Setempat/20 Mac 2018

**"PEA iktiraf kejayaan usahawan politeknik"**





**OLEH:**  
**Nurul Ilyani Abdullah**  
 Unit Komunikasi Korporat PHT

*“PHT TRAVEL  
 diwujudkan  
 sebagai klinik  
 atau bengkel  
 latihan secara  
 praktikal kepada  
 teori-teori yang  
 dipelajari di dalam  
 kelas”*



# PHT TRAVEL

**ALAMAT SYARIKAT**

D/A Koperasi  
 Politeknik Hulu  
 Terengganu Berhad  
 Bangunan Kedai 3  
 Tingkat,  
 Majlis Daerah Hulu  
 Terengganu  
 21700 Kuala Berang  
 Terengganu

**Website:**

[phttravel.pht.edu.my](http://phttravel.pht.edu.my)

**Facebook:**

[www.facebook.com/  
 PHTTravel](http://www.facebook.com/PHTTravel)

**Instagram:**

[www.instagram.com/  
 pht.travel](http://www.instagram.com/pht.travel)



Tel: 09-6825555  
 Fax: 09 -6825556

## LATAR BELAKANG PHT TRAVEL

PHT TRAVEL merupakan anak syarikat Koperasi Politeknik Hulu Terengganu Berhad. PHT TRAVEL diwujudkan sebagai klinik atau bengkel latihan secara praktikal kepada teori-teori yang dipelajari di dalam kelas bagi pelajar-pelajar jurusan pengurusan pelancongan dan keusahawanan. Dengan melaksana latihan secara praktikal melalui PHT TRAVEL ini, para pelajar tersebut dapat didedahkan dengan realiti alam industri

pelancongan, keusahawanan dan perniagaan sebenar bagi memantapkan kefahaman pelajar terhadap kurikulum pelajaran yg dipelajari di dalam kelas. Carta pengurusan ala agensi pelancongan telah dibentuk bagi memantapkan pengurusan dan pentadbiran PHT TRAVEL bertujuan menggerakkan aktiviti keusahawanan pelancongan dalam kalangan pelajar jurusan pelancongan dan keusahawanan. PHT

TRAVEL juga telah melantik Kementerian Pelancongan Negeri Terengganu sebagai Mentor dan Syarikat Pelancongan HRM sebagai rakan strategik untuk menggerakkan PHT TRAVEL.





# VISI

⇒ Memacu PHT Travel sebagai agensi pengembaraan yang dinamik, progresif dan berdaya saing di peringkat global.

**Pelajar memberi pen-erangan tentang pakej**



# MISI

⇒ Politeknik Hulu Terengganu Travel (PHT Travel) berazam memberikan perkhidmatan pelancongan dalam negara (inbound) yang terbaik dan cekap kepada para pelanggan serta berazam untuk menjadi pusat latihan pengembaraan dalam bidang pelancongan dan hospitaliti yang disegani.

# OBJEKTIF

- Berperanan sebagai klinik atau inkubator bagi melatih pelajar dalam jurusan pengurusan pelancongan melaksanakan latihan secara praktikal terhadap kurikulum yang dipelajari di dalam kelas untuk memantapkan kefahaman pelajar dalam industri pengurusan pelancongan yang sebenar.
- Memberi pendedahan kepada para pelajar dalam bidang keusahawanan selaras dengan lonjakan pertama pelan pembangunn pendidikan tinggi negara bagi melahirkan graduan holistik bercirikan keusahawanan yang seimbang.
- Melahirkan usahawan dan majikan yang mencipta pekerjaan dalam kalangan graduan Politeknik Hulu Terengganu.
- Membangunkan modal insan yang kreatif dan inovatif berteraskan keusahawanan di kalangan pelajar PHT
- Bekerjasama dengan penggiat sector pelancongan dalam merealisasikan Politeknik Hulu Terengganu sebagai hub *Center of Technology (COT)* pelancongan.



PHT TRAVEL nadi PHT  
SINAR HARIAN, 18 MAC 2018, RUANGAN  
SENTRAL, M/S19

# JABATAN PERDAGANGAN

## LAWATAN AKADEMIK KE MALAYSIAN INSTITUTE OF ACCOUNTS (MIA), THE MALAYSIAN INSTITUTE OF CERTIFIED PUBLIC ACCOUNTS (MICPA) DAN BANK NEGARA MALAYSIA (BNM)

Pada 23 hingga 25 Januari 2018 yang lalu, satu lawatan akademik pelajar DAT 5A dan DAT 3A telah diadakan ke beberapa agensi swasta dan kerajaan di sekitar Kuala Lumpur. Pelajar-pelajar yang terlibat adalah para pelajar semester 3 dan 5 Jabatan Perdagangan. Tujuan utama lawatan ini diadakan bagi memenuhi tuntutan silibus Financial Accounting 4 yang mengkehendaki satu seminar atau lawatan akademik ke industri.

Objektif utama lawatan akademik ini adalah untuk meningkatkan minat dan pengetahuan pelajar terhadap kursus Financial Accounting 4 dan Malaysian Taxation I dan mengaitkan kursus P&P dengan situasi sebenar dalam industri. Selain itu ia dapat memberi pendedahan jurusan pengajian dan peluang untuk menyambung pelajaran serta membuka minda pelajar dalam bidang professional Akauntansi. Tambahan pula ia juga untuk mencapai target KPI Polypmo Politeknik Hulu Terengganu yang memerlukan interaksi bersama Pensyarah Pelawat Industri (PPI).

*“meningkatkan minat dan pengetahuan pelajar terhadap kursus Financial Accounting 4 dan Malaysian Taxation I dan mengaitkan kursus P&P dengan situasi sebenar dalam industri”.*



## KURSUS RESEARCH METHODOLOGY & JOURNAL WRITING

Kursus Research Methodology & Journal Writing telah diadakan pada 2 May 2018 yang lalu bertempat di Bilik Seminar, Politeknik Hulu Terengganu. Unit Latihan & Pendidikan Lanjutan (ULPL) dengan kerjasama Jabatan Perdagangan telah mengadakan kursus ini untuk memberikan pendedahan kepada pensyarah di Jabatan Perdagangan dan jabatan-jabatan lain yang berminat untuk menjalankan kajian dengan mempelajari teknik-teknik dalam penulisan dalam membuat kajian dan

Penceramah kursus iaitu Dr. Abdul Hafaz Bin Ngah dari Universiti Malaysia Terengganu.



**OLEH:  
Dameliza Binti  
Damain**

Unit Komunikasi Korporat PHT



**Azmah Binti Salleh**  
Ketua Jabatan Perdagangan



## **KURSUS AUTOCOUNT GST**

Kursus Autocount GST telah diadakan pada 14- 15 Mei 2018 bertempat di Makmal Komputer 1 Politeknik Hulu Terengganu. Kursus ini merupakan salah kursus kompetensi yang dianjurkan oleh Jabatan Perdagangan dengan kerjasama Unit Latihan dan Penyelidikan Lanjutan (ULPL) PHT. Kursus ini disertai oleh sepuluh orang pensyarah perakaunan Jabatan Perdagangan. Ia dikendalikan oleh Encik Nazzel Maznor Bin Tohar dari Autocountsoft Company. Di akhir kursus ini peserta diminta menyiapkan tugas akhir untuk dinilai dan semua peserta berjaya menyiapkan tugas tersebut. Peserta yang menyertai kursus ini telah mendapat sijil untuk melayakkan mereka mengajar sistem Autocount GST kepada pelajar Diploma Akauntansi.



Peserta- peserta kursus tekun menyiapkan tugas akhir



Pengenalan Kursus Auto-  
count GST oleh En Nazzel

## **LAWATAN SAMBIL BELAJAR PELAJAR DAT 3A JABATAN PERDAGANGAN, POLITEKNIK HULU TERENGGANU DI JOHOR CORPORATION BERHAD, NIOSH, AL IKHSAN SDN BHD DAN UTM SKUDAI**

Lawatan industri ini merupakan inisiatif yang dilakukan oleh pihak pelajar DAT 3A seramai 18 orang dalam mendapatkan maklumat terkini dalam bidang pengauditan dan pengurusan dan syarikat. Maklumat-maklumat dan tunjuk ajar yang diperolehi daripada pihak industri, akan digunakan oleh pihak pelajar dalam memahami dengan lebih berkesan persekitaran audit dan perubahan terkini dalam Akta Syarikat. Lawatan ini berlangsung selama 3 hari iaitu bertolak dari Politeknik Hulu Terengganu pada petang hari isnin (5/2/2017) dan lawatan bermula di JCorp pada 6/2/2017, di sini pelajar dapat mempelajari dan mengukuhkan kefahaman berkaitan Profession Juru Audit Dalam syarikat Johor Corporation Berhad seterusnya lawatan ke NIOSH pada sebelah petang . Di sini pelajar mendapat kefahaman mengenai kepentingan aspek keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Pada 7/2/2017 , rombongan pelajar PHT

membuat lawatan ke UTM, fakulti Perakaunan. Disini pelajar di beri taklimat mengenai syarat kemasukan ke fakulti perakaunan bagi pelajar lulusan perakaunan. Destinasi terakhir lawatan ialah ke Syarikat Al Ikhsan , Senai. Di sini pelajar dapat melihat secara lebih dekat lagi berkaitan dengan dunia perniagaan dan pengurusan syarikat di Al ikhsan Sdn. Bhd. mengikut Akta Syarikat 2016 iaitu yang terkini.



# JABATAN PELANCONGAN DAN HOSPITALITI



**OLEH:**  
**Nurul Ilyani Abdullah**  
Unit Komunikasi Korporat PHT

## JABATAN PELANCONGAN DAN HOSPITALITI

Menjadi sebuah jabatan yang cemerlang dan progresif serta mampu melahirkan pelajar yang berpengetahuan, kompeten, memiliki nilai moral yang tinggi, bertanggungjawab serta kreatif selari dengan Falsafah Pendidikan Negara.

## TRANSFORMASI PROGRAM PENGAJIAN PELANCONGAN & HOSPITALITI SERTA PENJENAMAAN SEMULA JABATAN HOSPITALITI

Selaras dengan Transformasi Pengajian Pelancongan dan Hospitaliti, Jabatan Pengajian Politeknik telah menjenamakan semula semua Jabatan Hospitaliti disemua politeknik terlibat kepada Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti berkuatkuasa 1 Jan 2011. Ini akan dapat memberikan gambaran yang lebih tepat terhadap program pengajian yang ditawarkan di jabatan ini seperti yang disarankan oleh industri dan selaras dengan kepentingan industri pelancongan terhadap negara.

*“Menjadi sebuah jabatan yang cemerlang dan progresif”*



**En. Afandi bin Fikri**  
Ketua Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti

## JPH TRIBUTE TO TOURISM

### Rangkuman Aktiviti JPH Jan-Jun 2018



Para peserta diberi taklimat berkaitan sebelum memulakan aktiviti.

### **Penuntut PHT sertai kursus kayak**

KUALA BERANG - Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti Politeknik Hulu Terengganu (PHT) dengan kerjasama Persatuan Kanu Terengganu menganjurkan kursus kayak.

Kursus yang lebih dikenali sebagai Kursus Kayak Bintang 1 melibatkan penyertaan seramai 27 peserta terdiri daripada penuntut pengurusan pelancongan semester 3.

Tenaga pengajar, Mohd Azamrul Harun berkata kursus sedemikian bukan sekadar menyeronokkan tetapi juga mencabar kemampuan serta ketahanan fizikal dan mental seseorang.

“Di samping penuntut mendapat nilai tambah dari kursus ini, berkayak adalah satu aktiviti yang memerlukan seseorang

**Kursus ini juga dapat membina keyakinan diri dalam kalangan peserta.”**

- Mohd Azamrul

mengemudi kayak di atas air dengan mengaplikasikan kaedah dan teknik paling mudah digunakan.

“Kursus ini juga dapat membina keyakinan diri dalam kalangan peserta serta melengkapkan penuntut dengan sijil kemahiran profesional yang akan memberi nilai tambah kepada mereka di alam pekerjaan nanti,” katanya.



### **KURSUS KAYAK TAHAP 1**

POLITEKNIK HULU TERENGGANU(3 APRIL 2018,SELASA)-JPH PHT dengan kerjasama Persatuan Kanu Negeri Terengganu telah menganjurkan kursus kayak tahap 1 atau lebih dikenali dengan kursus kayak bintang 1, pada 3 & 4 April 2018. Seramai 27 orang peserta yang terlibat terdiri daripada pelajar pengurusan pelancongan semester 3.

**Penuntut PHT sertai Kursus Kayak**  
Sinar harian 11/4/18 Rabu, ms : 20





Suasana ketika program berkenaan berlangsung.

### Penuntut PHT turun ke Kampung Baong

KUALA BERANG - Program Ikhsan Komuniti Lestari CSR dan anak angkat serta pengembangan produk pelancongan berlangsung di Kampung Baong, kelmarin.

Pengajuannya hasil kolaborasi Jabatan Pelancongan dan Hospitaliti Politeknik Hulu Terengganu (PHT) dengan YES Politeknik beri pendedahan tentang tanggungjawab sosial penuntut.

Pengarah program, Noor Fiteri Abdullah berkata, ia satu medium interaksi yang memberi pendedahan dan pengetahuan tentang pengurusan tempat tarikan pelancongan yang berasaskan pelancongan pendidikan serta kemahiran

mengurus acara. "Program ini digerakkan sukarelawan YES Politeknik yang berlatarbelakangkan pengkhususan dalam bidang pelancongan. Kesukarelawanan juga menjurus kepada pelancongan setempat dan pembangunan kelestarian alam.

"Selain itu ianya satu inisiatif PHT untuk beri pendedahan dunia pekerjaan sebenar serta jalin hubungan muhibah antara pihak politeknik dan komuniti.

"Selain itu, program ini juga mampu beri soft skill kepada peserta bagi mempromosikan pakej pelancongan yang telah disediakan," katanya menerusi satu kenyataan.

### PROJEK IKHLAS MY BEAUTIFUL KAMPONG

POLITEKNIK HULU TERENGGANU (23 Mac 2018, JUMAAT)-Program ikhsan komuniti Lestari CSR dan anak angkat serta pengembangan produk pelancongan di Kampung Baong telah dijalankan pada 23hb Mac 2018. Program anak angkat ini di antara PHT dan penduduk Kampung Baong, Hulu Terengganu. Ia juga merupakan gabungan projek pelajar pelancongan semester akhir, pengurusan acara dan teknik pemandu pelancong.



### LAWATAN KONTEKSTUAL PULAU PERHENTIAN

POLITEKNIK HULU TERENGGANU (11 APRIL 2018, RABU)-Lawatan Kontekstual ke Taman Laut Pulau Perhentian melibatkan pelajar Diploma Pengurusan Pelancongan yang mengambil kursus Tourism Malaysia yang bertepatan dengan keperluan silibus DUP

### Penuntut PHT turun ke Kg Baong, Hulu Terengganu

Sinar harian, Selasa, 27-3-18 ms: 19



### EXPLORE THE AMAZING THAILAND

POLITEKNIK HULU TERENGGANU (19 MAC 2018, ISNIN)-Explore the Amazing Thailand 13-16 Mac 2018 yang lalu melibatkan pelajar Diploma Pengurusan Pelancongan yang mengambil kursus Tourism Expedition.



### SIMULASI TEKNIK PEMANDU PELANCONG

POLITEKNIK HULU TERENGGANU (8 MAC 2018, KHAMIS)-Simulasi Teknik Pemandu Pelancong yang lalu melibatkan pelajar Diploma Pengurusan Pelancongan yang mengambil kursus Teknik Pemandu Pelancong di Melaka



### LATIHAN AMALI TERESTIAL

POLITEKNIK HULU TERENGGANU (20 MAC 2018, KHAMIS)- Latihan Amali Terestial DTM3023 telah dijalankan di Kela Adventure Camp Pahang yang melibatkan pelajar DUP 3A.



# JABATAN PENGAJIAN AM



**OLEH:**  
Afifatun Nadhirah Bt  
Awang

Unit Komunikasi Korporat PHT

“Terus istiqamah  
dalam  
membentuk  
sahsiah pelajar  
menjadi muslim  
yang berkredibiliti  
dan bermutu  
tinggi”



Rosnah Binti Tahar

## PENGENALAN

Jabatan Pengajian Am (JPA) merupakan jabatan Akademik Sokongan bagi jabatan Akademik Induk Politeknik Hulu Terengganu yang mengendalikan kursus wajib seperti Pengajian Malaysia, Communicative English, Pelancongan dan Hospitaliti dalam Islam, Penyiaran dan Komunikasi Islam serta Pengurusan dalam Islam.

Selain itu, JPA turut memperkenalkan kursus Poli Fardhu Ain yang diwajibkan kepada semua pelajar PHT. Objektif kursus ini ada-

## POLI FARDHU AIN

Senarai kursus mengikut semester:


Semester 1—Fardhu Ain

Semester 2—Tilawah Al-Quran

Semester 3—Aqidah

Semester 4—Sirah Nabawi

Semester 5—Munakahat



شَفَاكَ اللهُ

syafakallah

May God bless you

مَبْرُوكٌ

mabruk

Congratulations

آسِيفٌ

aasif

I'm sorry

شُكْرًا

syukran

Thank you

عَفْوًا

'afwan

You're welcome

أَهْلًا وَسَهْلًا

ahlan wasahlan

Welcome

كَيْفَ حَالُكَ؟

kaifa haluka

How are you?

سُرِّرْتُ بِلِقَائِكَ

surirtu biliqa'ika

Nice to meet you

إِلَى اللِّقَاءِ

ilal liqa'i

See you again



# JPA DAY 1.0

Jpa Day merupakan satu program bersiri yang akan dilaksanakan oleh Jabatan Pengajian Am pada setiap semester. Program ini merupakan hasil gabungan unit Pendidikan Islam, unit Bahasa Inggeris dan juga Kelab Bahasa Arab .



**LENSA**

**KAMERA**

**Sekitar**

**Program JPA**

**Day 1.0**

## HARI BAHASA ARAB

Tujuan aktiviti ini dilaksanakan adalah untuk memberi pendedahan kepada para pelajar mengenai asas komunikasi bahasa Arab serta menarik minat mereka untuk mendalami bahasa Arab melalui permainan yang bersifat interaktif dan santai.

Antara permainan yang disediakan adalah:

- 1) Cerakin huruf hija'iyah
- 2) Bola beracun
- 3) Kuiz kahoot
- 4) Teka gambar

## ENGLISH MARKET DAY

merupakan satu platform yang disediakan kepada pelajar untuk memperkasakan penggunaan bahasa Inggeris di PHT. Selain itu, program ini turut membuka peluang kepada para pelajar untuk menonjolkan serta mengasah bakat keusahawanan dengan penglibatan mereka dalam gerai jualan mengikut kelas dimana setiap transaksi jualan perlu dijalankan dalam bahasa Inggeris.

## HARI KESENIAN ISLAM

Objektif program ini adalah untuk mengasah bakat serta meningkatkan keyakinan pelajar dalam pengucapan awam. Di samping itu, pihak JPA juga ingin menghidupkan suasana PHT dengan budaya cinta akan ilmu serta kesenian Islam.

Pelbagai aktiviti yang menarik telah dipertandingkan seperti:

- 1) Pidato/Khutbah
- 2) Deklamasi sajak
- 3) Azan dan iqamah
- 4) Hafazan surah pendek

# RIADAH PELAJAR PHT



**OLEH:**  
**Nurul Ilyani Abdullah**  
Unit Komunikasi Korporat PHT

*“merupakan elemen penting dalam membentuk modal insan yang berketerampilan serta cergas dalam membentuk sahsiah diri semasa dan selepas tamat belajar”*



**Hamdan bin Zulkifli**  
Ketua Unit Sukan dan Kokurikulum PHT

**POLITEKNIK HULU TERENGGANU(28 FEBRUARI 2018, RABU)** Majlis Perwakilan Pelajar(MPP) PHT telah mengadakan program Riadah Pelajar yang mana telah diadakan di Taman Rekreasi Kuala Berang. Para pelajar diberi kemudahan untuk berbasikal dari pihak Pengurusan PHT. Para pelajar boleh berbasikal di kawasan sekitar juga berbasikal di tempat-tempat pelancongan yang berdekatan dengan Kuala Berang seperti Memorial Batu Bersurat dan Sekayu.

Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar PHT, Muhamad Faiz Shaari berkata Taman Rekreasi Kuala Berang merupakan tempat untuk para pelajar beriadah kerana bersebelahan dengan kampus. Salah satu daripada faedah beriadah ialah dapat menyihatkan tubuh badan. Apabila kita berakreasi seperti berbasikal, bermain badminton dan sebagainya, badan akan mengeluarkan peluh dan berlaku pembakaran lemak dalam tubuh kita. Kesannya, badan kita menjadi sihat dan cergas serta tidak berasa lesu ketika belajar di dalam kelas.



Taman Rekreasi Awam Kuala Berang jadi tumpuan riadah pelajar PHT  
Sinar Harian | 1 MAC 2018 | Ruangn Kampus | m/s 33

## KARNIVAL SUKAN PHT

**POLITEKNIK HULU TERENGGANU(27 FEBRUARI 2018, SELASA)**- Karnival Sukan PHT telah diadakan pada hari ini yang mana mengetengahkan sukan rakyat. Sukan Rakyat ini adalah satu aktiviti yang sangat menarik untuk pelajar. Ia bukan sahaja menyihatkan malah memberi pengalaman baru kepada pelajar terhadap aktiviti luar kuliah. Antara sukan yang dipertandingkan ialah ikat kaki, tengeng, monyet bawa bola, bawa bola dalam gegelung, cari gula gula dalam tepung, galah panjang, batu seremban,



RELASIS PHT





## PHT MEMARTABATKAN INOVASI DAN PENYELIDIKAN

### Explicit and Implicit Grammar Instructions in Higher Learning Institutions (by Ayuni Madarina Abdul Rahman) Published by Canadian Center of Science and Education

Two universally accepted approaches to grammar instruction are explicit and implicit teaching of the grammar. Both approaches have their own strengths and limitations. Educators may face a dilemma whether to teach grammar explicitly or implicitly. This paper aims to provide insights into the educators' beliefs towards grammar teaching in Malaysian Higher Learning Institutions, and the sources of the held beliefs. Data were generated through semi-structured interviews with five educators from several private colleges located in peninsular Malaysia. Data analysis reveals that a majority of the respondents preferred grammar to be taught explicitly in their ESL classrooms; nevertheless they viewed implicit instruction as necessary when conforming to students' needs. The sources of the held beliefs are educators' experience as well as the institutional requirement. This paper draws our attention to the role of educators as an eclectic teaching practitioner who are able to apply a suitable grammar instruction according to learners' needs. It is hoped that this study will contribute to the growth of literature on grammar teaching and learning especially in Malaysian ESL classrooms.



Oleh: ZAIDAH MAMAT  
Unit Penyelidikan dan Inovasi

*“Explicit and Implicit Grammar Instructions in Higher Learning Institutions (by Ayuni Madarina Abdul Rahman)”*



## LENSA MEDIA



Antara warga PHT yang terlibat dalam iCompEx'18 berlangsung di Kubang Pasu, Kedah.

### PHT raih anugerah inovasi

KUALA BERANG-Politeknik Hulu Terengganu (PHT) berjaya meraih tiga emas, enam perak dan satu gangsa dalam Pertandingan Inovasi dan Pameran Peringkat Kebangsaan 2018 (iCompEx'18).

Pengarah PHT, Wan Mohd Hujatullah Wan Ghazali berkata, lima kajian penyelidikan juga telah dibentangkan dalam pertandingan yang berlangsung selama dua hari berakhir 22 Mac lalu itu.

Beliau berkata, PHT menyertai 15 penyertaan dalam pertandingan berlangsung di Kubang Pasu itu yang terdiri daripada bidang pelancongan dan hospitaliti serta pengurusan dan perdagangan.

“Lima kajian dibentangkan termasuklah berkaitan Peletakan Hulu Terengganu sebagai destinasi pelancongan sejarah serta profil dan kecenderungan penggunaan internet dalam kalangan penuntut PHT,” katanya.

Pertandingan iCompEx'18 adalah anjuran Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (Polimas), Jabatan Pendidikan Politeknik dan kerajaan negeri Kedah.

Bagi inovasi emas, PHT berjaya merangkulnya menerusi Tourism Edu Game, MyRec dan Evo Stove manakala inovasi perak bagi Portable Solvestove, Anti Theft Sejadah serta Easy Process in Assessing Student : Subject DTM3012.

PHT raih anugerah inovasi

Sinar Harian, m/s 22, 31.3.2018, Ruangan Hulu Terengganu



# BENGGEL SPSS SIRI 2

Unit Penyelidikan, Inovasi dan Komersial dengan kerjasama Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan, PHT telah berjaya menganjurkan Bengkel SPSS Siri 2 sebagai kesinambungan Bengkel SPSS Siri 1 yang telah diadakan tahun lepas. Bengkel ini telah diadakan pada 30 Mei 2018 bertempat di Makmal 1, Bengkel ini telah disampaikan oleh seorang Pensyarah Kanan Fakulti Pengurusan Perniagaan, UiTM Cawangan Dungun iaitu Dr Hj Zainuddin bin Zakaria. Bengkel ini telah dihadiri oleh semua staf pensyarah PHT. Bengkel seperti ini sangat baik dilaksanakan kerana

memberi pendedahan kepada pensyarah untuk menjalankan penyelidikan melalui kaedah-kaedah tepat.



# KIK HORIZON BARU

PHT telah menyertai Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif Horizon Baru Peringkat Kebangsaan Politeknik Malaysia yang berlangsung pada 14-16 Oktober 2017 di Hotel Permai Kuala Terengganu. PHT melalui Kumpulan DeBaung telah berjaya memperoleh pingat Emas dengan projek MyRec. MyRec ialah satu sistem perekodan rekod rasmi PHT secara lebih tersusun dan menjimat masa. Semua staf boleh mengakses segala rekod rasmi

masing-masing secara atas talian walaupun bertugas di luar kawasan. Penyertaan PHT melalui konvensyen sebegini sangat bagus kerana boleh mengetengahkan produk-produk PHT kepada agensi atau masyarakat luar.



**“MyRec ialah satu sistem perekodan rekod rasmi PHT secara lebih tersusun dan menjimat masa”**





Oleh: **ZAIDAH MAMAT**  
Unit Penyelidikan dan Inovasi

## PHT MEMARTABATKAN INOVASI

### RTL BACKPACK

By:

**Hasrol Hasnan**  
Bibi Norfatimah Mohd Rusoh



The concept of the RTL Backpack is simple, which is to place all of the item on the same bag. The backpack will focus on placing the traveller item on the same bag which will include three main compartment on the same backpack which are the multipurpose essential compartment, first aid compartment and built in toiletries compartment which is all on the same backpack


The bag will gave an impact to the travellers conveniency as the bag will make traveling experience more convenience and manageable.the project will also give a huge impact to the tourism pattern as the bag can be used for both either recreational and leisure activities and even for an extreme activities.

### ANTI-THEFT SMART SEJADAH

“ANTI-THEFT SMART SEJADAH” dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan (berzip) yang berupaya untuk melindungi barangan peribadi/berharga para jemaah seperti kehilangan wang tunai, barangan kemas, telefon bimbit, jam tangan, kunci kenderaan dan lain-lain lagi. Ukuran saiz “ANTI-THEFT SMART SEJADAH” adalah 106cm panjang dan 70cm lebar. Manakala bagi ruangan simpanan barang berzip pula adalah 18cm panjang dan 35cm lebar.

By:

**Firdaus Bin Mohamad Sharif**  
Mohamad Fathil Danial Bin Mazilan  
Nur Athirah Bt Ali  
Nur Amirah Binti Amran





## PORTABLE SOLSTOVE

By:

**Siti Murni Mat Ali, Norli yanawati Zakaria**


Muhammad Hafizuddin Zainal Abidin,

Siti Nur Fatimah Mohd Shafie

Outdoor recreations had becoming one of the trends among the people nowadays. The participants for outdoor recreation were increased since 2012 until today as the awareness for practicing healthy lifestyle also increased among them. Technology influences and increase of discretionary time also lead to the recreation involvement. Recreation form involved diverse activities from land, air and also water.

Thus, the idea of portable solstove was an effort for making people who involved with outdooractivities making preparing food is much easier and interesting product with multi-functions and at the same time towards green practices. It is portable stoves which use solar energy to as the main power supply and battery as secondary option with few other functions.

The stove provides people with two cooking methods either heating or grilling. The stove also come-out with the led lamp for lightening the surrounding when it is used at night. Other than that, it has insect killing rackets to prevent us from been bitten of insects when stay outdoor. Besides, it also can be used for hand phone or any electrical charging. Solar energy was popularly used for lots of other products, but not yet for stove. So, this product will be the first solar portable stove which can help to lead us for practicing green environment and at the same time really helpful for the outdoor recreation participant.



By:

**Nurul Ilyani Abdullah**

Muhammad Syazwie Ikhwan Bin  
Mohd Sofean

Nurul Yasmin Natasa bt Azmi


## TRAVELLER'S PEN

Pen might be one of the most useful things almost every day. Today, pens have been useful to promote a business and also essential when taking examinations and filling out forms plus it is also can be a nice gift but this Traveller's Pen is used to help tourists at the destination because this pen help to find their direction especially at night.

Travellers Pen came out with map, whistle, compass, LED lamp and pen itself. Every element that includes in this Traveller's Pen very essential because it very useful to the tourists. Tourists usually want something convenient to them. They do not want to bring a lot of item with them when they're travelling or doing an activities while travelling. So, Traveller's Pen is a good product to them because it easy to bring and everyone can get many information with Traveller's Pen. Above all, the main purpose of this product is to help tourists while at the destination and indirectly can promote the places in Hulu Terengganu.



ISBN 978-967-14187-9-6



**POLITEKNIK**  
MALAYSIA  
HULU TERENGGANU

**PHT HEBAT**

**POLITEKNIK HULU TERENGGANU**  
**BANGUNAN KEDAI 3 TINGKAT,**  
**MAJLIS DAERAH HULU**  
**TERENGGANU, 21700**

Phone: 09-6825555  
Fax: 09-6825556  
Website: <http://www.pht.mypoliteknik.edu.my/>  
Facebook: Politeknik Hulu Terengganu  
Instagram: polihuluterengganu\_official  
Twitter: polihulutrg